

# **ASAL-USUL, PENGHIJRAHAN DAN TRADISI BUDAYA MASYARAKAT KEDAYAN DI PULAU LABUAN<sup>1</sup>**

**SALMIAHWATI DJAFAR**

*Kurator, Muzium Diraja*

*Jabatan Muzium Malaysia*

*salmiahwati@jmm.gov.my*

## **ABSTRAK**

Suku kaum Kedayan merupakan masyarakat majoriti yang menetap di Labuan dan merupakan suku kaum minoriti di Kepulauan Borneo (Brunei, Sabah dan Sarawak). Perkataan Kadayan yang bermaksud hamba, pengiring raja, pemilik kedai dan orang yang berhijrah, dieja dalam 10 ejaan terminologi yang berbeza oleh para pengkaji, namun merujuk kepada suku kaum yang sama. Begitu juga dengan asal-usul masyarakat ini, pelbagai pandangan dan andaian bahawa masyarakat Kedayan ini berasal dari Tanah Jawa, Banjarmasin, Kalimantan dan dikatakan penduduk asal Brunei, seterusnya berhijrah ke Pulau Labuan. Masyarakat ini diidentifikasi sebagai penganut beragama Islam, berdialek Kedayan, menetap di kawasan darat dan menjalankan aktiviti pertanian. Keistimewaan dan keunikian identiti masyarakat Kedayan telah membentuk tradisi dan budaya yang menjadi amalan masyarakat ini. Namun, tradisi budaya masyarakat Kedayan mengalami perubahan dan kebanyakannya tidak diamalkan sepenuhnya selepas penyebaran agama Islam semasa era Kesultanan Brunei pada abad ke-15.

Kata Kunci: Kedayan, Asal-usul, Labuan, Identiti, Budaya.

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan dalam Bicara Kurator 2019 pada 5 April 2019.